

HARI : RABU
TARIKH : 21/8/2019
M/SURAT : 1



Umum 2 minggu lagi

■ KPDNHEP teliti kertas kerja program subsidi petrol bersasar B40

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengumumkan mekanisme pelaksanaan program subsidi petrol bersasar kepada golongan kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dalam tempoh dua minggu akan datang.

Menyerah, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, buat masa ini, pihaknya meneliti kertas kerja mengenai mekanisme pelaksanaan program itu sebelum diumumkan kepada rakyat.

"Kami perlu perhalusi beberapa perkara sahaja lagi dan jika semuanya berjalan mengikut jadual, apa-apa pengumuman mengenainya akan dibuat dalam dua minggu terdekat ini," katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis perhimpunan bulanan kementeriannya di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas ditanya mengenai perkembangan terbaru mengenai program berkenaan termasuk mekanisme yang akan diguna pakai.

Saifuddin berkata, tarikh



SAIFUDDIN (dua dari kanan) menunjukkan buku undang-undang KPDNHEP pada Majlis Perhimpunan Bulanan KPDNHEP di Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Timbalan Menteri KPDNHEP, Chong Chieng Jen (kanan), Ketua Setiausaha KPDNHEP, Datuk Muez Abdul Aziz (dua kiri) dan Pengarah Bahagian Undang Undang KPDNHEP, Datuk Teh Lee Ly.

pelaksanaan program itu masih tertakluk kepada keputusan dan nasihat jemaah menteri.

Saifuddin dalam kenyataan sebelum ini memaklumkan, beliau berpuas hati dengan tahap penyediaan kertas kerja yang disediakan berhubung mekanisme pelaksanaan program itu yang kini berada dalam fasa akhir semakan.

Dalam perkembangan lain, Saifuddin berkata, kementerian akan mempel-

jari kaedah bagi membendung kekurangan bekalan makanan dan berdepan kenaikan harga barang dari dua negara, Taiwan dan Turki.

Menurutnya, beliau akan menghantar pegawai kanan kementerian ke dua negara itu dalam tempoh terdekat bagi mempelajari kaedah yang mereka gunakan khususnya ketika berdepan krisis bekalan dan kenaikan harga barang melampau.

"Berdasarkan pengamatan saya, Taiwan berupaya me-

nangkan krisis bekalan makanan biarpun sering dilanda fenomena taufan manakala Turki pula berjaya mengendalikan krisis kenaikan harga barang hasil campur tangan kerajaan.

"Saya sudah bincang dengan Ketua Setiausaha Kementerian dan kita akan hantar pegawai terbaik pergi kedua-dua negara itu bagi mempelajari model yang digunakan mereka dalam kawalan harga barang pengguna," katanya.